

K D N 7890

KELUARAN 11 1986

JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KANDUNGAN

Halaman

1. Penyelidikan Kota Kerajaan Bukit Tinggi – Serentan oleh Encik Mohd. Hisam bin Tahat	9
2. Masyarakat Indigo Alaiyahabam Dato' Telah bin Talib oleh Encik Azam bin Md. Amin	14
3. Ukuran Rumah Minang oleh Encik Yassin bin Idrus	23
4. Koleksi Perhimpunan Adat oleh Encik Yassin bin Idrus	32
5. Terumbul Adat Pengang Mambrang oleh Encik Yassin bin Idrus	36
6. Terumbul Adat Pelampih oleh Encik Yassin bin Idrus	40
7. Terumbul Adat Perapuh	44
8. Buku Tuisa dalam Perang Singgalung oleh Tuanku Haji Abd. Aziz bin Saleh	44

## SIDANG REDAKSI PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



Pengerusi : Tuan Hj. Yahya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.

Setiausaha : Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-ahli : Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.

Encik Mahmud bin Kassim.

Encik Yasin bin Sulaiman.

Encik Hashim bin Thani, PJK.

Warisan, Jurnal Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, tahun ini seperti biasa memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan Sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, politik dan ekonomi.

Namun demikian, pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam rencana-rencana di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Redaksi atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Sumbangan berupa rencana daripada peminat-peminat Sejarah sangatlah dihargai dan hendaklah dialamatkan kepada:-

Sidang Redaksi,  
Jurnal Warisan,  
Persatuan Sejarah Malaysia,  
Cawangan Negeri Sembilan  
d/a Jabatan Pendidikan,  
Negeri Sembilan.  
70604 Seremban.

(U.P: Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK)



**Y.A.B. DATO' MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD  
D.S.N.S., P.M.C.  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN**

Telefon: Seremban 722421 & 722311

PEJABAT MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN.



## KATA-KATA ALUAN


Penerbitan Warisan kali ke 11 ini sudah tentu memberi peluang yang lebih luas kepada pencinta sejarah tanah air mengenali tentang sejarah Negeri Sembilan.

Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Sehubungan dengan itu sukacita saya mengambil peluang ini mengajak lebih ramai penulis, khususnya pelajar, menyumbangkan tulisan mereka di dalam majalah ini, kerana melalui penulisan tersebut, dapatlah sama-sama kita dedahkan kepada masyarakat tentang perjalanan sejarah Negeri Sembilan ini secara amnya, dan sesuatu tempat itu khasnya.

Dan, untuk menghasilkan sesuatu penulisan itu, saya berharap penulis-penulis tadi akan dapat menjalankan siasatan yang rapi dan mendalam terhadap sesuatu peristiwa sejarah agar tulisan yang dihasilkan dan diterbitkan itu benar-benar bermutu.

Akhir kata, sukacita saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan dan kepada sidang ridaksi Warisan di atas penerbitan Warisan kali ke 11 ini.



(DATO' MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

## DARI MEJA PENGARANG

nillahirrahmannirrahim.

alamualaikum.

RISAN adalah buku kecil yang berbentuk Jurnal Sejarah yang diusahakan oleh satuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, yang dikeluarkan pada tiap-tiap in.

ha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan Sejarah bukan sahaja menjadi tugas kepada ah-tokoh Sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga untuk ipuk dan diperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan ijar-pelajar sekolah. Guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah ulah memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah Sejarah ebut, khususnya Sejarah lisan akan luput dan hilang ditelan zaman, khususnya di zaman s dan teknologi ini.

anan Sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. am keghairahan kita mengajar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat hadap Sejarah semakin berkurangan. Menyedari hakikat ini Kementerian Pendidikan aysia telah memberikan perhatian yang khusus terhadap pengajaran dan pembelajaran irah di sekolah-sekolah menengah masa-masa akan datang. Langkah-langkah yang krit, positif dan berkesan untuk meletakkan Sejarah pada perspektif yang betul sedang oses dalam melaksanakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah pada tahun 1988 ti.

RISAN keluaran Ke 11 memuatkan artikal-artikal yang berunsur kebudayaan/ enian/politik dan sosial yang ada hubungannya dengan Sejarah Negeri Sembilan. Bagi ik Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, mengucapkan setinggi- gi terima kasih kepada penulis-penulis artikal-artikal keluaran ke 11 di atas kerjasama eka bagi menjayakan makalah ini. Untuk membolehkan WARISAN ini diterbitkan terusan diharapkan para peminat, pembaca dan tokoh-tokoh Sejarah tempatan dapat nberikan sumbangan artikal yang difikirkan sesuai.

ian, terima kasih.



DATO' DR. HAJI YAHAYA BIN MAYAH, AMN., PMC., PJK  
Pengarang.

## SENARAI NAMA JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1986

Yang Di Pertua	:	Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS., PMC. (Menteri Besar, Negeri Sembilan).
Naib Yang Di Pertua	:	Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali, KMN., ASK.
Setiausaha Kehormat	:	Encik Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.
Pen. Setiausaha Kehormat	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.
Ketua Pengarang	:	Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.
Ahli-ahli Jawatankuasa	:	YB. En. Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK. : Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK. : Tuan Haji Hisham bin Omar, PJK. : Encik Sulaiman Samad, PJK. : Datuk Mohd. Sharif bin Fakieh Hasan, PPN., PMC., PKL., PJK.

### PENGERUSI DAERAH

Daerah	:	Nama
Jelebu	:	YB. Encik Kadir bin Kassim, AMN., PMC., PJK.
Seremban	:	Tuan Hj. Ismail bin Jamil.
Port Dickson	:	Tuan Haji Othman bin Bakar.
Rembau	:	Encik Mazlan bin Hj. Abdullah, AMN., PJK.
Tampin	:	Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK.
Kuala Pilah	:	Encik Omar bin Salam, PJK.
Jempol	:	Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK.

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN DAN PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
1986**

Pengerusi Penerbitan	:	Tuan Haji Yahaya bin Mayah, AMN., PMC., PJK.
Pengerusi Penyelidikan	:	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN., PJK.
Setiausaha	:	Encik Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.
Bendahari	:	Encik Tan Ghee Peng, AMN.

**Jawatankuasa**

Encik Mohd. Razali bin Mahmud, PJK

Dato' Sharib bin Fakieh Hassan, PPN., PJK., PMC., PKL

Encik Hashim bin Jasa, AMN., PJK

Tuan Hj. Hisham bin Omar, PJK

Encik Sulaiman Samad, PJK

Encik Ismail bin Jamil.

Puan Kamariah bte Hj. Sabeh

Encik Mahmud bin Kassim

Encik Hashim bin Thani, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Pilus bin Hj. Yunus, PJK.

Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Hj. Yahya.

Tuan Haji Md. Jan bin Othman.

Encik Yaacob bin Idrus.

## MELIHAT SENI UKIR DI "RUMAH MINANGKABAU" SEREMBAN.

Oleh: Yaakub bin Idrus. (S/U Bhg. Penyelidikan PSM / CNS.

### Pengenalan

Dalam kawasan Kompleks Taman Seni Budaya Seremban terdapat tiga buah bangunan:

1. Teratak Perpatih.
2. Istana Ampang Tinggi.
3. Rumah Minangkabau.

Di sini saya ingin perkatakan sedikit tentang seni ukir yang terdapat pada "Rumah Minangkabau" itu saja, walaupun Istana Ampang Tinggi juga mempunyai ukiran-ukiran yang tak kurang hebatnya. Tulisan saya ini lebih berupa tinjauan saya selaku seorang peminat, bukannya sebagai seorang yang ahli di dalam bidang seni ukir. Diharapkan melalui tulisan ini semoga peminat-peminat lain, para pelajar seni dan para pengkaji seni budaya akan membuka mata dan akan meneruskan pengkajian mereka. Kenapa saya menumpukan tinjauan saya terhadap bangunan ini tidaklah begitu pasti. Apa yang saya amat tertarik ialah kerana kayanya rumah itu dengan ukiran-ukiran yang menarik; padahal sejak beberapa dekad ia terletak di tempat asalnya di Ulu Taman Tasik Seremban. Dulu orang ramai sering menamakan sebagai "Rumah Hantu" saja. Ini mungkin kerana warnanya yang hitam dan tiada berpenghuni begitu lama. Mungkin juga tiada berapa kerat orang yang berminat untuk melihatnya dari dekat.

Sebenarnya rumah Minangkabau ini baru saja dipindahkan dari tapak lamanya ke Taman Seni Budaya ini. Menurut catatan yang terdapat di Pejabat Taman Seni Budaya itu bahawa "Rumah Minangkabau" ini asalnya ialah kepunyaan seorang yang bernama Tengku Saiyed Ismail bin Tengku Saiyed Abd. Rahman, Dato' Kelana Sungai Ujung, dan isterinya bernama Cik Kundur anak Wan Jaebah, iaitu kakak kepada Dato' Bandar Haji Ahmad. Rumah ini asalnya didirikan di Kampung Anak Air Garam, kira-kira empat batu dari Seremban hala ke Port Dickson, dan ditukangi oleh dua orang tukang suku Minangkabau bernama Haji Syahabuddin dan Kamaruddin. Kedua-duanya dikatakan adalah adik beradik. Keistimewaan rumah ini, selain daripada ukiran-ukirannya, ia dibuat tanpa menggunakan sebatang paku atau pasak dengan kayu juga. Dinding-dindingnya dibuat berkembali iaitu papan-papan kembun yang dipasangkan pada pemidang-pemidang. Menurut catatan itu juga, sebuah rencana mengenai rumah ini ada tersiar dalam akhbar The Strait Times dalam tahun 1979 (?) menyebutkan tarikh rumah ini dibina kira-kira dalam tahun 1898 Masihi dengan perbelanjaan \$ 400.00 saja. Dikatakan juga bahawa rumah ini dirombak dan dibawa oleh pemerintah Inggeris dulu ke London untuk satu pameran dalam tahun 1924.


Di sini juga saya ingin menyentuh sedikit tentang ragam atau gaya bentuk binaan, sama ada benar-benar rumah Minangkabau ataupun rumah Melayu. (Lihat Rencana saya dalam Warisan Bil. 6, 1981). Melihatkan ciri-ciri adanya serambi panjang di muka, ada berdinding/berpintu antara serambi dengan tengah rumah dan mempunyai tangga di sisi, dan atap bumbungnya yang separuh lentic maka ianya masih berunsur rumah Melayu, yang banyak sekali persamaannya dengan rumah-rumah tradisional suku Melayu di daerah Siak di Sumatera Timur. Tetapi melihatkan aras lantainya sama saja satu level, beserta dengan gaya atau ragam seni ukirnya, adalah jelas unsur Minangkabaunya; apakah lagi tukang-tukangnya yang disebutkan tadi adalah dari Minangkabau.

### Seni ukirnya


Secara bebas para pengkaji ragam hias sering membahagikan motif-motif ukiran atau ragam hias kepada beberapa kategori:

- a) Jenis geometrikal, yakni yang menggunakan garis-garis lurus, bulatan-bulatan atau segi-segi terukur.
- b) Jenis yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan (flora).
- c) Jenis yang bermotifkan haiwan (fauna), termasuk juga bahagian tubuh manusia.
- d) Jenis yang bermotifkan alam, seperti awan, ombak, api, gunung, cakrawala dsb.....
- e) Jenis kaligrafi atau seni khat.

*Gambarajah beberapa awan ukiran*



(a)



(b)



(c)



(d)



(e)




(f)

Gambarajah beberapa awan ukiran.

- a) Ukiran berdasarkan bulatan, terdapat pada bendul bawah pintu hadapan.
- b) Ukiran awan pucuk rebung, terdapat pada papan kembung dinding serambi luar dan dalam.
- c) Contoh awan kelok paku / pakis.
- d) Contoh awan tampuk manggis.
- e) Contoh awan bunga kundur.
- f) Contoh pucuk rebung bervariasi.

Dengan melihat sepintas lalu saja pada ukiran-ukiran yang terdapat pada rumah ini, ketara sekali ialah jenis (a), (b) dan (e); boleh dikatakan tiada langsung yang bermotifkan fauna. Ini tidaklah menghairankan kerana ajaran Islam melarang penciptaan yang berunsurkan tubuh manusia dan haiwan juga.

Untuk memudahkan kita melihat ukiran-ukiran pada rumah ini bolehlah dilihat dari bahagian luar dahulu kemudian beransur ke dalam serambi dan seterusnya dalam ruang ibu rumah dan bilik tidur. Sebenarnya rumah ini sudah tiada rumah dapurnya. Lihat pelannya di bawah:



Petunjuk


- |     |                        |     |                  |
|-----|------------------------|-----|------------------|
| (a) | Tangga Hadapan         | (d) | Tengah rumah     |
| (b) | Serambi                | (e) | Bilik.           |
| (c) | Bilik pangkal serambi. | (f) | Tangga belakang. |

Bahagian-bahagian yang berukiran.

Ukiran-ukiran terdapat pada:


(a) Bahagian luar rumah bahagian hadapan, iaitu:

- i) Kepala tangga, (Gambar 1)
- ii) Bendul, papan kembung di atas bendul dan kayu beruti sebelah atas papan kembung itu.
- iii) Jenang pintu termasuk lambai-lambai iaitu papan berukir sebelah atas pintu.
- iv) Semua papan kembung dinding serambi. (Gambar 2a)
- v) Papan sasak iaitu papan berukir di sebelah bawah bendul serambi, melintang antara tiang ke tiang, seakan-akan lambai-lambai pintu. Cuma rumah Minangkabau tulin yang mempunyai hiasan papan sasak berukir. (Gambar 2d).



Gambar 1

Kepala Tangga dengan ukiran Flora dan fauna (sisik tenggiling).



Gambar 2.

- a) Papan Kembung dinding dgn. awan pucuk rebung.
- b) Papan kembung atas bendul dengan ukiran 'awan tak sudah'
- (c) Bendul.
- (d) Papan Sasak.
- (e) Tupai-tupai.

- vi) Tupai-tupai berukir yang bersfungsi sebagai pengampu bendul, dipasang melekap pada setiap tiang hadapan belakang rumah. (Gambar 2e).
- (b) Bahagian dalam serambi, iaitu terdapat pada bahagian dinding yang memisahkan antara serambi dengan tengah rumah. Bahagian ini seakan-akan sama dengan yang terdapat di bahagian dinding luar serambi, seperti di Bahagian (a) ii, dan iii di atas. Cuma berbeza sekali lambai-lambai pintunya dibuat begitu indah disertai dengan terapan seni khat dan perkataan Muhammad' yang amat stylized'.
- Di bahagian atas dinding sepanjang-panjang bahagian dalam serambi ini terdapat dua keping panel atau papan tebal panjang, penuh dengan ukiran-ukiran yang amat cantik: ukiran kelompok berulang berselang seli dengan bahagian yang tak berukir. Dua keping panei ini pula diapit dengan dua beruti panjang selari dengannya, semacam bendul di bahagian bawah dinding tetapi ianya tidak berukir, sebaliknya dihias dengan seni khat dalam bahasa Arab memenuhi sepanjang-panjang kedua-dua beruti tersebut; ini saya cuba salinikan semua yang terdapat pada beruti sebelah bawah dan sebahagian kecil yang terdapat pada beruti sebelah atas. Saya buat begini kerana saya dapatkan kedua-duanya adalah bersambung, tetapi mungkin telah tersalah pasang semasa pemindahan, yang atas telah dipasang di bawah.
- (c) Bahagian dalam tengah rumah dan bilik.  
Sebenarnya bahagian ini tidak berapa banyak ukiran seperti di bahagian serambi; cuma terdapat pada bahagian pintu bilik. Inipun kelihatan seakan-akan sama atau atau sebagai ulangan saja apa yang terdapat pada ambang pintu masuk ke rumah ibu tadi, malah lebih mudah daripada itu.
- (d) Bahagian tebar layar rumah ibu. (Di setengah-setengah tempat dalam negeri ini menyebutnya 'tabir layar'). Tabir layar rumah ini kelihatan dibuat daripada papan kembung berukirnya dan ukirannya seperti awan 'pucuk rebung' berhias.

#### Jenis-jenis ukiran atau awan.

Jenis-jenis ukiran atau ragam hias biasa juga disebut 'awan'. Awan-awan ini adalah bermotifkan benda-benda alam yang terdapat di sekitar seseorang seniman, khususnya seniman ukir. Ia mengambil atau meniru benda-benda alam itu dijadikan motif ukirannya. Ukiran ini dibuat sama ada dengan menirunya bulat-bulat seperti asal ataupun dipermudahkannya (simplified) dan dipergayakan (stylized) hingga apabila telah terlalu tinggi stilisasinya maka lahirlah pola-pola atau awan-awan yang mujarab atau abstrak. Abstraksi-abstraksi ini pula biasanya diberi makna atau simbolismenya berdasarkan konsep peribadi seniman itu ataupun menggunakan konsep-konsep tradisional masyarakatnya. Maka dari sini lahirlah awan-awan tradisional masyarakat kita seperti:

- (a) Motif flora: kelok pakis, pucuk rebung, sulur bayong, tampuk manggis, bunga kundur, bunga berembang, dsb.

- (b) Motif fauna: ular-ular, sisik tenggiling, lebah bergantung, semut beriring, kuda berlari, dsb.
- (c) Motif kejadian alam: ombak-ombak, lidah api, bintang-bintang, dsb.
- (d) Motif bentuk-bentuk abstraksi geometrikal: swastika atau bunga banji, potong wajik, pecah lapan dsb. Jenis abstraksi ini selalunya lahir daripada corak-corak kelarasi dari anyaman tikar, baku, tenunan dsb.

Dari sini kita dapatti bahawa masyarakat tradisional kita telah berkenal dengan bentuk-bentuk atau pola-pola abstrak.

Berbalik kepada awan-awan ukiran di rumah Minangkabau tadi, kita cuba melihat jenis-jenis ukirannya di beberapa bahagiannya. Seperti yang disebutkan sebelum ini, sekurang-kurangnya ada tiga jenis ragam hias: geometrikal, flora, kaligrafi dan kemungkinan sedikit fauna.

Geometrikal: ialah awan pucuk rebung. (Di Indonesia disebut tumpul atau tumpal). Ini sangat banyak digunakan, terutama di bahagian bawah papan-papan kembung atau panel dinding serambi sebelah luar dan panel dinding rumah ibu; cuma berbeza tentang saiz panel itu saja: panel sebelah luar serambi jauh lebih pendek kerana dinding itu sangat rendah berbanding dengan rumah ibu. Awan yang sama digunakan berulang, jadi kelihatan satu siri ulangan yang berirama (Lihat gambar 2a). Kelihatannya awan pucuk rebung ini telah diolah begitu jaya sekali jika dinisbahkan kepada ukiran kayu saja. Padahal awan ini adalah dianggap jenis yang sangat mudah. Tetapi setelah diolah begitu rupa maka ianya kelihatan amat menarik, sesuai dengan bentuk rumah itu sendiri.

Flora: iaitu awan-awan yang bermotifkan tunouh-tumbuhan. Awan jenis ini mengambil lebih lapan puluh peratus daripada kesemua ukiran yang terdapat di rumah ini. Nama setiap ukiran tersebut agak susah diberi secara spesifik tetapi motifnya agak jelas iaitu seperti jenis 'kelok paku' atau 'kelok pakis'. Jenis ini terdapat pada panel sebelah atas bendul dan pada papan sasak di bawah bendul. Juga pada bendul itu sendiri. Ukiran-ukiran ini diberi berbagai-variasi di tempat-tempat yang berlainan, mungkin sebagai penyesuaian dengan saiz panel atau kayu yang digunakan.


Garisan-garisan asas awan itu dibuat dalam pola bulatan melengkung berulang-ulang. Dan kebanyakan garisan-garisan itu dibuat seolah-olah dua garis kembar selari kerana di tengah-tengah garisan itu diberi berlurah halus. Dan ada tempat-tempatnya garisan melengkung itu dibuat dua lari berselang-seli dan tindih menindih. Maka di celah-celah garisan itu diberi variasi dedaun kecil, tunduk atau menikam, jadi kelihatanlah semua ruang pada panel itu penuh berisi. Lengkaran-lengkaran itu kelihatan seolah-olah tiada berpunca atau kesudahan. Atau lebih jelas lagi, awan ini boleh disambung-sambung sehingga seberapa panjang sekalipun. Jenis inilah yang mungkin sesuai dipanggil 'awan larat' atau, menurut seorang tukang suku Minang, 'awan tak sudah'.

Fauna atau haiwan: Cuma terdapat sedikit pada ibu tangga, iaitu awan sisik, atau mungkin dipanggil 'sisik tenggiling'. Inipun kurang pasti; mungkin merupakan kelopak-kelopak bunga yang diukir terus menerus, kerana di bahagian pucuk sisik-sisik itu kelihatan seperti awan 'sulur lalang'.

Seni Khat atau Kaligrafi: Seperti telah disebutkan, terdapat pada lambai-lambai pintu masuk ke ruang tengah rumah ibu. Di tengah-tengah lambai-lambai itu kelihatan ukiran kata 'Muhammad' dalam tulisan Arab yg dibuat secara "stylized" – dibuat timbal balik. Di atas ukiran lambai-lambai itu terdapat sebaris tulisan yang agak kecil saiznya – kurang jelas untuk dibaca.

Gambar 3

*Ambang pintu dengan ukiran lambai-lambainya dan seni khat dan ukiran panel di bahagian atasnya.*



Sebelah atas lagi terdapat pula sebaris tulisan di atas beruti panjang (sepanjang-panjang dinding rumah ibu). Tulisan ini saya perturunkan di bawah sekadar yang mampu saya baca. Kesalahan-kesalahan pasti terdapat: mungkin kerana kepicikan saya dalam pengetahuan bahasa Arab atau pun kerana tulisan-tulisan itu banyak yang telah terkopek titik-titiknya, tambahan pula ianya dibuat dalam khat yang tersendiri dan agak 'stylized'.

- Khat yang terdapat pada beruti bawah,
- Sebahagian kecil khat yang terdapat pada beruti atas yang saya percaya tersalah pasang – sepatutnya yang in di sebelah bawah.

مَنْ يَرْجِمْ يَا عَلِيٌّ يَأْفَضُهُ يَا حَلِيمٍ يَا مُحَمَّدٍ يَا زَيْنِي  
وَعَلَيْكَ حَسْبِيْ نَعِمْ الْرَّبِّيْ وَنَعِمْ الْخَسْرَانِ نَصْرَانِ تَسَاءُلَاتِ

المغزير المرحوم سئل العرضه في اخر كارته والسكنات والحكمات  
 والارادات والحضرات من الضئون والهكوان والادوام الساترة  
 القلوب عن مطالعه الغيوب فقل انس المؤمنون وزلزلوا  
 زلزال شديد وان يقول للناافقون والذين في قلوبهم مرض  
 ما وعدنا الله ورسوله الا غرورا فشينا وسخروا لنا هذا البحر  
 كلما سخروا البحر لموسى عليه السلام وسخروا النار لابراهيم  
 عليه السلام وسخروا الجبال واخذوا دلائله ”

”عليه السلام وسخروا الرحيم والشياطين والجهن والانس  
 لسليمان ..... ”

Maksud (i): Sebagai yang dicuba sahamkan oleh rakan-rakan yang berpengetahuan Arab dan juga saya sendiri:

“Dengan nama Allah Yang Pemurah Penyayang. Ya Ali, ya Fatimah, ya Halim, ya Muhammad, ya Rabbi dan atas engkau kekasihku Naim (Nikmat?) Tuhanku dan nikmat yang baik, pertolongan daripada kehendakMu dan Engkaulah Yang Mulia dan Penyayang. Memohon kebesaran dalam..... (kurang jelas) tempat-tempat dan hikmat-hikmat dan kehendak-kehendak dan..... (Al-hadirat?) daripada syak-syak dan..... (tak jelas) dan waham-waham. Ketenangan bagi segala hati daripada perbincangan yang ghaib. Maka kata manusia-manusia yang beriman dan kelam kabut yang bersangatan. Dan jika berkata orang-orang munafik dan mereka yang di dalam hatinya sakit. Sebarang janji Allah dan Rasulnya melainkan ketakutan (?). Maka..... dan menjadikan bagi kami laut ini setiap suatu, dijadikan laut bagi Musa alaihissalam, dan dijadikan api bagi Ibrahim alaihissalam dan dijadikan bukit besi bagi Daud”.

Maksud (ii) “alaihussalam dan dijadikan angin dan syaitan dan jin dan manusia bagi Sulaiman.....”

(Sebarang kesalahan semoga mendapat pembetulan daripada sesiapa yang ahli. Terima kasih).

Selain daripada tulisan khat di atas terdapat lagi pada papan yang lebih atas perhampiran dengan alang, bersententang dengan atas pintu itu, tiga baris ayat yang berupa doa daripada al-Quran yang berbunyi lebih kurang:

"Bismillah-hirrahman-nirrahim. Bismillahi rabbana tabara - ka..... Kaf - Ya - Ain - Sad Kifyatina Ha - Mim - Ain - Sin - Qaf..... Allahu wa huwas - Sami'ul - alim".

Tidaklah diketahui apakah maksud yang sebenarnya tulisan-tulisan semua ini. Mungkin berupa doa atau azimat untuk menjaga keselamatan rumah ini dan penghuninya. Allahu aklam. Semoga tulisan ini memberi manfaat.

Bahan-bahan rujukan.

1. Van der Hoop, A.N.J. Th. a. Th. Uit Gegeven DOOR HET, Koninklijk Bataviasah Genootschap Van Kunsten En Wetau Schappen, 1949.
2. Abdul Halim Nasir, Ukirian Kayu Tradisi, DBP, Kuala Lumpur, 1986.
3. Departmen Pendidikan dan Kebudayaan Daerah, Indonesia, Arsitektur Tradisional Daerah Riau, 1984.
4. Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Seminar ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Senibina, Jilid II, 1981.
5. Yaakub Idrus, Rumah Rembau & Rumah Melaka (Tesis). STTI, Kuala Lumpur, 1966.
6. \_\_\_\_\_, (Rencana) 'Rumah-rumah Melayu Negeri Sembilan' WARISAN Bil. 6, 1981.
7. \_\_\_\_\_ ' (Rencana) 'Keahlian Tukang-tukang Melayu', WARISAN Bil. 7, 1982 - 83.
8. S. Saripin, Sejarah Kesenian Indonesia, Penerbit Negara, PRADNJA PARAMINTA, Jakarta, 1960.